



KENYATAAN MEDIA

MALAYSIA TUAN RUMAH MESYUARAT MENTERI-MENTERI ALAM SEKITAR ASEAN KE-18 (AMME KE-18)

Malaysia melalui Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) akan menganjurkan Mesyuarat Menteri-Menteri Alam Sekitar ASEAN ke-18 (AMME-18) pada 2 hingga 4 September 2025 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Langkawi (LICC), Kedah.

Penganjuran AMME-18 seiring dengan Kepengerusian ASEAN Malaysia 2025, diadakan bersekali dengan Mesyuarat Ke-20 Committee (COM) Under the Conference of the Parties dan Mesyuarat Ke-20 Conference of the Parties (COP) bagi Perjanjian ASEAN Mengenai Jerebu Merentas Sempadan (AATHP). Lebih 200 orang delegasi daripada 10 Negara-negara ASEAN, Timor Leste, Rakan Dialog dari Kesatuan Eropah, Republik Rakyat China, Republik Korea dan Jepun dijangka hadir.

Mesyuarat ini bertujuan menyelaraskan tindakan kolektif negara anggota ASEAN untuk memperkukuh dasar, strategi dan kerjasama serantau. Ia merangkumi perlindungan alam sekitar, pemuliharaan biodiversiti, pengurusan sumber semula jadi secara mampan dan ketahanan terhadap perubahan iklim.

Sepanjang tiga hari mesyuarat ini, empat (4) input utama akan dihasilkan iaitu Kenyataan Bersama ASEAN Bagi Persidangan ke-30 Konvensyen Rangka Kerja Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perubahan Iklim (UNFCCC COP30), kemajuan dalam penubuhan Pusat ASEAN untuk Perubahan Iklim (ACCC), pembangunan Pelan Strategik ASEAN Pasca-2025 mengenai Alam Sekitar dan Pelan Tindakan Strategik Perubahan Iklim ASEAN (ACCSAP).

Mesyuarat juga menerima laporan berkaitan penyertaan ASEAN melalui Pavilion ASEAN di UNFCCC COP30 dan juga cadangan penubuhan Kumpulan Perikatan Asia Tenggara (SEA) dalam proses rundingan iklim global.

Manakala sesi ASEAN bersama Rakan Dialog iaitu Kesatuan Eropah, Republik Rakyat China, Republik Korea dan Jepun memberi fokus kepada kerjasama dalam bidang alam sekitar dan perubahan iklim serta berkongsi teknologi dan amalan terbaik dalam menyelaraskan usaha bagi mencapai pembangunan mampan dan kelestarian alam di rantau ASEAN.

Selain itu, turut diadakan beberapa program sampingan seperti Majlis Pengumuman Inisiatif Perdana Dibiayai oleh EU Mengenai Biodiversiti dan Perubahan Iklim di ASEAN, sesi intervensi UNICEF berkaitan Sidang Kemuncak Iklim Kanak-Kanak dan Belia ASEAN 2025 serta Sesi Dialog antara Presiden UNFCCC COP30, TYT Duta Andre Aranga Correa do Logo dengan Menteri-menteri Alam Sekitar ASEAN.

Turut diadakan ialah *6th ASEAN Environmentally Sustainable Cities Award* dan *5th Certificate of Recognition (COR)* sempena Majlis Makan Malam AMME-18 pada 3 September 2025. Acara empat tahun sekali ini bertujuan mengiktiraf amalan kelestarian alam sekitar di negara-negara ASEAN.

Penganjuran AMME kali ini turut menekankan aspek kelestarian selaras dengan Garis Panduan Pelaksanaan Inisiatif ASEAN Lestari (GPPIAL) yang dikeluarkan oleh NRES. Ia memberi fokus kepada pengurangan jejak karbon, penggunaan sumber yang cekap dan pengurusan sisa yang bertanggungjawab.

Malaysia berharap agar inisiatif ini akan membantu mencapai visi ASEAN yang lebih lestari dan inklusif menjelang 2030 selaras dengan ASEAN *Socio-Cultural Community (ASCC) Blueprint 2025* dan ASEAN *Environmental Framework*.

Sebagai tuan rumah, Malaysia berpeluang mempamerkan inisiatif dan pencapaiannya dalam bidang alam sekitar, selain dapat mengukuhkan jaringan diplomasi alam sekitar dengan negara serantau.

Penganjuran AMME-18 mencerminkan pendekatan proaktif dan strategik Malaysia terhadap tadbir urus alam sekitar, mengukuhkan kedudukannya sebagai pemain utama dalam mempromosikan komuniti ASEAN yang lestari dan berdaya tahan.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)
25 OGOS 2025



Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763

